

BAB 5

ANALISIS PERBANDINGAN DAPATAN KAJIAN

5.0 Pengenalan

Bab ini membandingkan dan akan merumuskan dapatan keseluruhan kajian mengenai kefahaman pelajar terhadap penggunaan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* di antara pelajar bahasa Jepun Indonesia (PBJI) dan pelajar bahasa Jepun Malaysia (PBJM). Perbezaan dalam peratusan yang diperolehi daripada dapatan bagi soal selidik Bahagian I, soalan objektif dan Bahagian II, soalan penyelesaian ayat akan dianalisis untuk mengenal pasti perbezaan di antara kedua-dua kumpulan pelajar dalam penggunaan ketiga-tiga kata hubung tersebut dan kekeliruan yang berlaku.

5.1 Pemerhatian Soal Selidik Soalan Objektif ke atas PBJI dan PBJM


Dapatan keseluruhan daripada soal selidik Bahagian I, soalan objektif antara PBJI dan PBJM mengenai penggunaan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* akan dibandingkan dan perbezaan dalam peratusan dirumuskan untuk mengenal pasti perbezaan pembelajaran ketiga-tiga kata hubung tersebut di antara kedua kumpulan pelajar.

5.1.1 Penggunaan *~tekara*

Rajah 5.1 berikut menunjukkan keputusan keseluruhan bagi soal selidik Bahagian I, soalan objektif antara PBJI dan PBJM mengenai penggunaan kata hubung *~tekara*. Secara keseluruhan, pencapaian kedua-dua kumpulan pelajar dalam memahami penggunaan *~tekara* melalui soalan-soalan yang diberikan dalam kategori ini adalah agak rendah dan ini menunjukkan permasalahan yang dihadapi PBJI dan PBJM dalam mengenal pasti peraturan penggunaan *~tekara* dengan baik.

Merujuk kepada Rajah 5.1, terdapat perbezaan yang agak ketara dalam pencapaian bilangan peratus jawapan tepat di antara PBJI dan PBJM bagi soalan Q.2¹ dan Q.9² di mana peratus jawapan tepat PBJM untuk soalan Q.2 lebih tinggi berbanding PBJI. Manakala peratus jawapan tepat pada soalan Q.9, PBJI adalah lebih tinggi berbanding PBJM. Hal ini menjadi suatu yang menarik disebabkan oleh kedua soalan Q.2 dan Q.9 adalah daripada kategori soalan *~tekara* dengan makna yang sama, iaitu ‘sejak/semenjak’.

Kegagalan sebahagian besar daripada PBJI dalam mengenal pasti *~tekara* pada soalan Q.2 besar kemungkinan disebabkan oleh kecuaiannya dalam meneliti ayat soalan. Pelajar berfikir ringkas dan menterjemahkan kandungan ayat Q.2 kepada *~tekara* ‘setelah’, (*mulai belajar bahasa Jepang setelah datang ke Jepang*) ataupun *~tara* ‘jika/bila’, (*mulai belajar bahasa Jepang apabila datang ke Jepang*) yang mana kedua-duanya boleh diterima pakai dan lazim digunakan di dalam bahasa Indonesia. Manakala penterjemahan kandungan ayat Q.9 ke dalam bahasa Indonesia dengan



Rajah 5.1: Peratus Jawapan Tepat *~tekara* PBJI berbanding PBJM

menggunakan *~tara* ‘jika/bila’, (*minggu lalu, apabila saya terkena flu kondisi badan terus tidak baik*) menjadikannya kedengaran agak aneh. Hal ini menjelaskan peratus


¹ Sila rujuk Jadual 4.2: Soalan Soal Selidik (Bahagian I, Soalan Objektif), muka surat 40

² Sila rujuk Jadual 4.2: Soalan Soal Selidik (Bahagian I, Soalan Objektif), muka surat 40

ayat tepat soalan Q.9 yang lebih tinggi berbanding soalan Q.2 pada PBJI.

Di sisi lain, ayat Q.2 yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan menggunakan 'selepas/setelah' ataupun 'jika/bila', membawa maksud yang sama dengan terjemahan ayat ke dalam bahasa Indonesia, tetapi lebih ramai PBJM yang memilih *~tekara* berbanding PBJI.

5.1.2 Penggunaan *~toki*



Rajah 5.2: Peratus Jawapan Tepat *~toki* PBJI berbanding PBJM

Rajah 5.2 merujuk kepada penggunaan *~toki*, peratus jawapan tepat dalam kalangan PBJI dan PBJM. Secara keseluruhan, pencapaian kedua kumpulan pelajar dalam mengenal pasti *~toki* pada soalan-soalan yang diberikan adalah baik walaupun terdapat peratus jawapan tepat yang agak berbeza mengikut soalan. Perbezaan dalam bilangan peratus jawapan tepat yang agak ketara di antara kedua kumpulan pelajar dapat dilihat pada soalan Q.12.³ Perolehan peratusan jawapan tepat pada PBJM lebih tinggi berbanding PBJI yang mana peratus jawapan tepat PBJM mencecah hingga 93%. Hal ini menjelaskan penguasaan dan kefahaman PBJM yang matang mengenai perbezaan kaedah aturan penggunaan di antara *~toki* dan *~tara* pada ayat Q.12, dan turut menyumbang kepada peratus jawapan tepat yang tinggi.

³ Sila rujuk Jadual 4.2: soalan Soal Selidik (Bahagian I, Soalan Objektif), muka surat 40

Sebaliknya, bagi kategori soalan yang sama, walaupun penggunaan *~toki* jelas lebih natural berbanding *~tara*, penggunaan kata kerja yang menyerupai bentuk lampau *netara* (jika tidur) pada ayat pertama dan kata kerja bentuk kala lampau *shimemashita* (telah menutup) pada ayat kedua telah mengelirukan PBJI hingga memilih *~tara* sebagai jawapan.

Merujuk kepada rajah di atas, dapat diketahui bahawa kedua-dua kumpulan pelajar memperoleh bilangan peratus jawapan tepat yang paling rendah pada soalan yang sama, iaitu Q.16.⁴ Penggunaan ‘ketika’ dan ‘jika/bila’ yang boleh diterima pakai di dalam bahasa ibunda PBJI dan PBJM telah memberi kesan kepada peratus jawapan tepat bagi soalan tersebut. Secara keseluruhan, kadar pencapaian PBJI dan PBJM dalam soalan bagi kategori *~toki* adalah baik. Walaubagaimanapun, kedua kumpulan pelajar didapati masih mengalami kesukaran untuk mengenal pasti *~toki*, sekiranya kata hubung *~tara* (jika/bila) diterima pakai di dalam ayat-ayat bahasa ibunda PBJI dan PBJM.

5.1.3 Penggunaan *~tara*


Perbandingan mengenai perbezaan dalam menggunakan kata hubung *~tara* antara PBJI dan PBJM dijelaskan dan dirumuskan menjadi dua bahagian, iaitu pada bahagian pilihan jawapan *~tara* berbanding *~tekara* dan bahagian *~tara* berbanding *~toki*.

5.1.3.a Soalan Objektif dengan Pilihan Jawapan *~tara* berbanding dengan *~tekara*

Rajah 5.3 menunjukkan peratus jawapan tepat dalam kalangan PBJI dan PBJM, untuk soalan yang melibatkan pemilihan [*~tara* dan *~tekara*]. Merujuk kepada rajah tersebut, pencapaian kedua kumpulan pelajar dalam kategori soalan ini adalah pada tahap yang paling rendah berbanding kategori soalan lain sebelum ini pada beberapa

⁴ Sila rujuk Jadual 4.2: Soalan Soal Selidik (Bahagian I, Soalan Objektif,) muka surat 40

soalan tertentu. PBJI menunjukkan pencapaian kurang 50% pada soalan Q.7, Q.8 dan Q.10. Manakala PBJM menunjukkan peratusan kurang 50% pada soalan Q.4, Q.7, Q.8 dan Q.10. Hal ini menunjukkan pemahaman PBJI dan PBJM mengenai *~tara* pada soalan-soalan tersebut adalah tidak matang dan kedua kumpulan pelajar menghadapi



Rajah 5.3: Peratus Jawapan Tepat *~tekara* berbanding *~tara* antara PBJI dan PBJM

masalah dalam mengenal pasti peraturan penggunaan *~tara* dengan baik.

Terdapat perbezaan yang ketara dalam perolehan peratus jawapan tepat antara PBJI dan PBJM bagi soalan Q.4⁵ dan Q.7.⁶ Bilangan peratus PBJI yang memilih *~tara* lebih tinggi berbanding PBJM bagi kedua-dua soalan ini. Sekiranya kedua kumpulan pelajar menterjemahkan ayat Q.4 ke dalam bahasa ibunda mereka, penggunaan ‘selepas’ dan ‘jika/bila’ boleh diterima pakai. Tetapi, penggunaan ‘jika/bila’ lebih lazim dan sering digunakan bagi konteks kandungan ayat seperti pada ayat Q.4 berbanding ‘selepas’ di dalam bahasa Indonesia. Sebaliknya, penggunaan ‘selepas’ mungkin lebih kerap digunakan berbanding ‘jika/bila’ di kalangan PBJM. PBJM mungkin keliru dengan perkataan *dekitekara* (selepas jadi) dan *dekitara* (bila sudah jadi) yang mana ianya kedengaran hampir sama di dalam penulisan ataupun pengucapan.

Di sisi lain, peratus jawapan tepat pada PBJI dan PBJM adalah rendah pada soalan

⁵ Sila rujuk Jadual 4.2: Soalan Soal Selidik (Bahagian I, Soalan Objektif), muka surat 40


⁶ Sila rujuk Jadual 4.2: Soalan Soal Selidik (Bahagian I, Soalan Objektif), muka surat 40

Q.7. Kata hubung *~tekara* dipelajari lebih awal berbanding *~tara* dan ini mungkin menyebabkan perkataan *~tekara* lebih kerap digunakan oleh PBJI dan PBJM hingga kedua kumpulan pelajar mudah keliru dengan penggunaan kata hubung *~tekara*.

Manakala soalan Q.5⁷ menunjukkan bilangan peratus jawapan tepat tertinggi PBJI dan PBJM walaupun terdapat jurang bilangan peratus yang agak ketara di antara kedua kumpulan pelajar. Peratus jawapan tepat yang tinggi pada soalan Q.5 dapat dijangkakan kerana soalan ini kerap digunakan sebagai ayat contoh penggunaan frasa andaian *~tara* di dalam buku-buku teks bahasa Jepun. Walaubagaimanapun, pencapaian PBJI untuk soalan ini yang kurang daripada 70%, menunjukkan kecuaiian pelajar dalam membaca dan memahami ayat Q.5, kerana menganggap ia soalan mudah.

5.1.3.b Soalan Objektif dengan Pilihan Jawapan *~tara* berbanding dengan *~toki*

Rajah 5.4 merujuk peratus jawapan tepat PBJI dan PBJM untuk soalan yang melibatkan pemilihan [*~toki* dan *~tara*]. Secara keseluruhan, kedua kumpulan



Rajah 5.4: Peratus Jawapan Tepat *~tara* berbanding *~toki* antara PBJI dan PBJM

menunjukkan perbezaan dalam pencapaian peratus yang agak ketara pada setiap soalan.

⁷ Sila rujuk Jadual 4.2: Soalan Soal Selidik (Bahagian I, Soalan Objektif), muka surat 40

Pada soalan Q.11,⁸ kedua kumpulan pelajar menunjukkan peratus jawapan tepat yang rendah iaitu, 36% (PBJI) dan 23% (PBJM). Bilangan peratus jawapan tepat yang rendah ini menunjukkan kadar kefahaman yang rendah mengenai konsep penggunaan *~tara* untuk soalan ini. Kekeliruan kedua kumpulan pelajar mengenai penggunaan perkataan 'selsema' di dalam bahasa Jepun dan penggunaan kata kerja *nemasu* (tidur) dalam bentuk kala kini di akhir ayat, agak mengelirukan pelajar dan mungkin menjadi faktor penyumbang kepada penghasilan ayat silap. Pelajar mungkin berfikir kata kerja pada ayat pertama dan kedua adalah perkara yang belum terjadi hingga memilih *~toki* sebagai jawapan.

Soalan Q.19⁹ juga menunjukkan perbezaan pencapaian yang agak ketara di antara PBJI dan PBJM. Kecenderungan PBJI untuk berfikir dalam bahasa Indonesia menyebabkan pelajar lebih mudah memilih *~tara* 'jika/bila' berbanding *~toki*. Manakala PBJM lebih mudah keliru mengenai bentuk kata kerja kala lampau diakhir ayat pertama dan kedua, dan cenderung memilih *~toki* berbanding *~tara*.

Dapatan ini juga menunjukkan kekeliruan pelajar mengenai peraturan di dalam tatabahasa bahasa Jepun yang telah dipelajari sebelumnya ketika menjawab Q.11 dan Q.19.

Di sisi lain, peratus jawapan tepat untuk soalan Q.17¹⁰ dalam kedua kumpulan pelajar adalah tinggi. Walaubagaimanapun, PBJM menunjukkan kefahaman yang lebih matang berbanding PBJI. Sekiranya kedua kumpulan pelajar menterjemahkan soalan Q.17 ke dalam bahasa ibunda mereka, penggunaan 'jika/bila' adalah lazim digunakan dalam masyarakat Indonesia dan Malaysia untuk konteks ayat Q.17. Walaubagaimanapun, terdapat kemungkinan frekuensi penggunaan yang rendah dalam

⁸ Sila rujuk Jadual 4.2: Soalan Soal Selidik (Bahagian I, Soalan Objektif), muka surat 40

⁹ Sila rujuk Jadual 4.2: Soalan Soal Selidik (Bahagian I, Soalan Objektif), muka surat 40

¹⁰ Sila rujuk Jadual 4.2: Soalan Soal Selidik (Bahagian I, Soalan Objektif), muka surat 40

kalangan PBJI menyebabkan peratus dapatan agak berbeza.

5.1.4 Pemerhatian Keputusan Secara Keseluruhan Soal Selidik Bahagian I, Soalan Objektif pada PBJI dan PBJM

Jadual 5.1. Peratus Jawapan Soalan Objektif *~tekara*

No	Butiran Soalan	Jawapan Tepat	Peratus jawapan tepat	
			PBJI	PBJM
Q.1	電話を(かけてから、かけたら)、友達のうちへ行ったほうがいいです。	<i>~tekara</i>	66%	54%
Q.2	日本へ(きてから、きたら)、日本語の勉強を始めました。	<i>~tekara</i>	50%	65%
Q.6	わたしが日本に(きてから、きたら)、1年になります。	<i>~tekara</i>	59%	60%
Q.9	先週風邪を(ひいてから、ひいたら)、ずっと体調が悪い。	<i>~tekara</i>	61%	46%

Merujuk kepada Jadual 5.1 dan berdasarkan kepada kenyataan analisis perbandingan penggunaan *~tekara* di kalangan PBJI dan PBJM di atas, peratus jawapan tepat PBJI lebih tinggi berbanding PBJM untuk soalan Q.1 (66%) dan Q.9 (61%), dan peratus jawapan tepat PBJM lebih tinggi berbanding PBJI untuk soalan Q.2 (65%) dan Q.6 (60%). Walaupun soalan-soalan ini daripada kategori yang sama, terdapat perbezaan peratus pada beberapa soalan yang menunjukkan perbezaan pemahaman pelajar dalam memahami konsep penggunaan pada setiap ayat soalan.

Jadual 5.2. Peratus Jawapan Soalan Objektif *~toki*

No	Butiran Soalan	Jawapan Tepat	Peratus jawapan tepat	
			PBJI	PBJM
Q.12	きのう、(寝るとき、寝たら)、窓を閉めました。	<i>~toki</i>	81%	93%
Q.13	ルンさんは、きのう加藤さんと(話しているとき、話していたら)、敬語を使っていました。	<i>~toki</i>	75%	89%
Q.16	東京へ(行ったとき、行ったら)、ホテルに泊まりました。	<i>~toki</i>	74%	69%
Q.18	このシャツはデパートへ(行ったとき、行ったら)買いました。	<i>~toki</i>	75%	82%
Q.20	ニューヨークで(働いていたとき、働いたら)、彼女と会いました。	<i>~toki</i>	81%	75%

Jadual 5.2 menunjukkan pencapaian keseluruhan PBJI dan PBJM ketika menjawab soalan mengenai penggunaan *~toki*. Secara keseluruhan, peratus pencapaian pelajar lebih baik berbanding dengan soalan mengenai *~tekara*. Hal ini menunjukkan pemahaman pelajar mengenai *~toki* lebih baik berbanding *~tekara*.

Kedua kumpulan pelajar menunjukkan jawapan yang hampir sama untuk soalan Q.18 dan Q.20. Walaubagaimanapun, perbezaan yang jelas dapat dilihat pada soalan Q.12 dan Q.16 di mana PBJM menunjukkan peratus jawapan tepat yang lebih tinggi berbanding PBJI bagi soalan Q.12 dan Q.13. Manakala pencapaian PBJI lebih tinggi berbanding PBJM pada soalan Q.16. PBJI cenderung memilih *~tara* untuk soalan Q.12 dan Q.13 berdasarkan terjemahan ke dalam bahasa Indonesia yang bermakna ‘jika/bila’, dan ianya tidak sesuai digunakan dalam ayat soalan tersebut. Walaubagaimanapun, disebalik kefahaman yang kukuh, PBJM juga mengalami kekeliruan ketika memilih *~tara* bagi soalan Q.16, kerana menganggap perbuatan <ホテルに泊まりました> *hoteru ni tomarimashita* (menginap di hotel) adalah andaian sekiranya pergi ke Tokyo.

Jadual 5.3. Peratus Jawapan Soalan Objektif *~tara* (pilihan jawapan *~tara* berbanding *~tekara*)

No	Butiran Soalan	Jawapan Tepat	Peratus jawapan tepat	
			PBJI	PBJM
Q.3	このボタンを(押してから、押したら)お湯が出ます。	<i>~tara</i>	64%	71%
Q.4	今とった写真が(できてから、できたら)、わたしにも1まいください。	<i>~tara</i>	61%	37%
Q.5	10時に(なってから、なったら)、出かけましょう	<i>~tara</i>	69%	82%
Q.7	朝、(起きてから、起きたら)、雨が降っていた。	<i>~tara</i>	39%	20%
Q.8	空港へ両親を迎えに(行ってから、行ったら)、先生に会った。	<i>~tara</i>	39%	28%
Q.10	ドアを(開けてから、開けたら)目の前にネコがいた。	<i>~tara</i>	46%	42%

Jadual 5.3 menunjukkan dapatan keseluruhan peratus jawapan tepat PBJI dan PBJM untuk soalan penggunaan *~tara*. Berbanding dengan kategori soalan *~tekara* dan *~toki*, kedua kumpulan pelajar didapati menghadapi kesukaran ketika menjawab soalan-soalan dari kategori ini. Pencapaian PBJI untuk soalan Q.7, Q.8 dan Q.10 adalah kurang daripada 50% manakala PBJM menunjukkan pencapaian yang sangat rendah pada soalan Q.4, Q.7, Q.8, dan Q.10. Selain daripada faktor perbezaan bahasa, pelajar mungkin kurang jelas tentang penggunaan *~tara* dan kurang latihan menggunakan

contoh-contoh ayat kata hubung *~tara* adalah antara faktor penyumbang kepada peratus kesilapan yang tinggi. Kedua kumpulan pelajar menghadapi masalah yang sama ketika menyelesaikan soalan Q.7, Q.8 dan Q.10 kerana kekeliruan bahawa *~tara* disini sebagai frasa andaian.

Di sisi lain, walaupun makna *~tara* pada soalan Q.4 (jika/bila) adalah berbeza dengan soalan Q.7, Q.8 dan Q.10, peratus jawapan tepat PBJM sebanyak 37% menunjukkan tahap kekeliruan yang agak serius antara frasa *~tekara* dan *~tara*.

Jadual 5.4. Peratus Jawapan Soalan Objektif *~tara* (pilihan jawapan *~tara* berbanding *~toki*)

No	Butiran Soalan	Jawapan Tepat	Peratus jawapan tepat	
			PBJI	PBJM
Q.11	風邪を(ひくとき、ひいたら)、薬を飲んで、早くねます。	<i>~tara</i>	36%	23%
Q.14	雨が(降ったとき、降ったら)、行きません。	<i>~tara</i>	86%	72%
Q.15	かばんを(あけるととき、あけたら)、教科書がなかった。	<i>~tara</i>	56%	65%
Q.17	京都駅に(着いたとき、着いたら)、わたしに電話をください。すぐ迎えに行きます。	<i>~tara</i>	76%	94%
Q.19	毎日水を(やったとき、やったら)、花が咲きました。	<i>~tara</i>	76%	33%

Jadual 5.4 yang merujuk kepada pencapaian PBJI dan PBJM dalam penggunaan *~tara* dengan pilihan jawapan *~tara* berbanding *~toki*. Selain daripada soalan Q.11 dan Q.19, pencapaian kedua kumpulan pelajar untuk kategori ini agak memuaskan. Hal ini menunjukkan kefahaman PBJI dan PBJM mengenai *~tara* pada soalan-soalan tersebut adalah matang (Q.14 dan Q.17). Kata hubung *~tara* pada soalan Q.14 dan Q.17 mempunyai maksud yang sama, iaitu sebagai frasa andaian 'jika/bila'. Walaubagaimanapun, peratus pencapaian kedua kumpulan pelajar menunjukkan perbezaan yang agak ketara.

Peratus jawapan tepat PBJM untuk soalan Q.14 adalah lebih rendah berbanding untuk soalan Q.17 walaupun *~tara* pada kedua-dua soalan mempunyai makna dan kaedah aturan penggunaan yang sama. Kecuaian PBJM dalam membaca soalan Q.14

adalah antara faktor yang menyumbang kepada peratus jawapan silap. Manakala ayat tambahan, <すぐ迎えに行きます。> *Sugu mukaeni ikimasu*. (Saya akan segera ambil) adalah merupakan pembayang yang jelas untuk penggunaan *~tara* dalam ayat ini.

PBJM juga menunjukkan kekeliruan ketika menjawab soalan Q.19. Pelajar mungkin terlepas pandang perkataan <毎日> *mainichi* (setiap hari) yang menjadi kunci jawapan ayat ini. Ayat <水をやったとき、花が咲きました。> *mizu o yattatoki, hana ga sakimashita*. (bunga berkembang ketika diberi air) boleh diterima pakai baik dalam bahasa Jepun atau bahasa Melayu.

Secara keseluruhan, berdasarkan keputusan peratusan jawapan tepat pada bahagian soal selidik Bahagian I, (soalan objektif) dan analisis yang telah dinyatakan, didapati bahawa terdapat PBJI dan PBJM yang tidak menyedari makna yang lain daripada *~tekara*, iaitu 'sejak' sehingga peratus kesilapan bagi soalan berkaitan agak rendah (Q.2, Q.6 dan Q.9). Pelajar juga menghadapi masalah mengenal pasti penggunaan *~tara* dengan maksud 'setelah' kerana lebih cenderung menganggap *~tara* sebagai kepada frasa andaian yang telah dipelajari sebelumnya. Hal ini dapat dilihat melalui peratus jawapan tepat yang rendah untuk soalan Q.7, Q.8 dan Q.10, pelajar menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti *~tara* dengan makna 'ketika'. PBJM cenderung menitik beratkan pada peraturan di dalam tatabahasa bahasa Jepun yang lebih dahulu dipelajari.

5.2 Pemerhatian Soal Selidik Penyelesaian Ayat antara PBJI dan PBJM

Bahagian berikut adalah pemerhatian secara keseluruhan mengenai soal selidik penyelesaian antara PBJI dan PBJM yang dirumuskan menjadi bahagian-bahagian seperti berikut.

5.2.1 Penggunaan *~tekara*

Jadual 5.5. Peratus Jawapan Soalan Penyelesaian Ayat *~tekara*

No	Butiran Soalan	Kata hubung	Peratus ayat tepat		Peratus ayat keliru	
			PBJI	PBJM	PBJI	PBJM
Q.1.a	お酒をたくさん飲んでから、__	<i>~tekara</i>	26%	47%	50%	41%
Q.4.a	ごはんを食べてから、_____		53%	79%	34%	19%
Q.5.a	日本語を勉強してから、_____		54%	65%	21%	19%

Jadual 5.5 di atas menunjukkan keputusan keseluruhan *~tekara* mengikut kategori ayat tepat dan ayat keliru oleh PBJI dan PBJM untuk soal selidik Bahagian II, penyelesaian ayat. Pencapaian PBJI dan PBJM dalam menyelesaikan ayat-ayat *~tekara* dalam kategori ini untuk soalan Q.1.a adalah kurang dari 50%. Perbezaan dalam peratus ayat tepat di antara kedua kumpulan pelajar juga agak ketara, yang mana peratus ayat tepat PBJM adalah lebih tinggi berbanding PBJI. Hal ini menunjukkan keupayaan yang tinggi dan kadar kematangan PBJM yang lebih baik berbanding PBJI dalam menyelesaikan ayat *~tekara*.

Jika dilihat keputusan keseluruhan peratus ayat-ayat tepat pada soalan *~tekara*, bilangan peratus ayat tepat bagi soalan Q.1.a PBJI juga PBJM adalah pada tahap yang rendah, menunjukkan kedua kumpulan pelajar menghadapi kesukaran ketika melengkapkan ayat ini. Manakala untuk soalan Q.4.a dan Q.5.a dengan sedikit perbezaan pada peratus jawapan tepat PBJM yang lebih tinggi berbanding PBJI.

Walaupun semua ayat soalan ini daripada kategori yang sama, perbezaan latar belakang budaya di dalam ayat Q.1.a ternyata berbeza berbanding ayat Q.4.a dan Q.5.a yang sangat dekat dengan aktiviti harian pelajar. Tambahan pula, aktiviti <お酒をたくさん飲んでから、__ > *Osake o takusan nondekara, __* (Selepas minum banyak *Sake* (alkohol), adalah perkara yang tidak lazim dalam budaya PBJI dan PBJM. Ini juga boleh menjadi faktor utama menyumbang peratus jawapan keliru yang tinggi berbanding soalan lain.

Walaubagaimanapun, perbezaan peratus ayat keliru untuk soalan Q.4.a di antara PBJI dan PBJM agak ketara. PBJI jelas menunjukkan cenderung melengkapkan ayat *~tekara* dalam soalan (Q.4.a) dengan ayat yang lebih sesuai menggunakan kata hubung *~kara* (kerana) yang menunjukkan hubungan sebab-akibat, dan frasa andaian *~tara* (jika/bila) manakala PBJM tidak menghadapi masalah khusus melengkapkan ayat ini.

5.2.2 Penggunaan *~toki*

Jadual 5.6 di bawah menunjukkan dapatan keseluruhan peratus ayat tepat dan ayat keliru yang dihasilkan oleh PBJI dan PBJM ketika melengkapkan soalan menggunakan kata hubung *~toki*. Kedua kumpulan pelajar tidak mengalami kesukaran untuk melengkapkan ayat Q.2.a, sebaliknya kebanyakan PBJI dan PBJM agak keliru ketika melengkapkan ayat *~toki* pada soalan Q.3.a dan Q.5.b. Berdasarkan perbincangan sebelum ini, ternyata kedua kumpulan pelajar mengalami kekeliruan ketika mengenal pasti bentuk kata kerja yang digunakan sebelum *~toki*. Hal ini menjadikan ayat yang dihasilkan pelajar tidak natural.

Di sisi lain, peratus ayat tepat pada soalan Q.3.a menunjukkan adanya perbezaan peratus ayat tepat yang agak tinggi di antara kedua kumpulan pelajar. Peratus ayat silap yang dihasilkan oleh PBJI bagi soalan Q.3.a adalah agak tinggi berbanding PBJM. Walaubagaimanapun, kegagalan PBJM untuk mengenal pasti bentuk kata kerja sebelum *~toki* bagi soalan Q.3.a menyebabkan penghasilan ayat keliru yang agak tinggi. Kebanyakan ayat yang dihasilkan oleh PBJM menunjukkan hubungan sebab-akibat, frasa andaian *~tara*, kata hubung *~tekara* dan *~mae ni* (sebelum).

Jadual 5.6. Peratus Jawapan Soalan Penyelesaian Ayat *~toki*

No	Butiran Soalan	Kata hubung	Peratus ayat tepat		Peratus ayat keliru	
			PBJI	PBJM	PBJI	PBJM
Q.2.a	スーパーへ行ったとき、_____	<i>~toki</i>	75%	87%	9%	8%
Q.3.a	本を読むとき、_____		33%	45%	36%	49%
Q.5.b	日本語を勉強するとき、_____		19%	15%	61%	69%

Pada dasarnya bentuk kata kerja sebelum *~toki* pada soalan Q.3.a dan Q.5.a adalah sama, iaitu kata kerja bentuk kala kini. Bilangan peratus ayat tepat PBJI dan PBJM untuk soalan Q.5.a adalah rendah berbanding soalan-soalan lain daripada kategori ini kerana pelajar mengabaikan bentuk kata kerja sebelum *~toki* yang memberi kesan kepada keseluruhan makna ayat.

5.2.3 Penggunaan *~tara*

Jadual 5.7. Peratus Jawapan Penyelesaian Ayat *~tara*

No	Butiran soalan	Kata hubung	Peratus ayat tepat		Peratus ayat keliru	
			PBJI	PBJM	PBJI	PBJM
Q.1.b	お酒をたくさん飲んだら、_____	<i>~tara</i>	44%	77%	33%	5%
Q.2.b	スーパーへ行ったら、_____		65%	88%	4%	6%
Q.3.b	本を読んでいたら、_____		3%	1%	60%	82%
Q.4.b	ごはんを食べたら、_____		55%	86%	10%	2%
Q.5.c	日本語を勉強したら、_____		56%	82%	12%	2%

Jadual 5.7 di atas menunjukkan peratus keseluruhan keputusan bagi soalan penyelesaian ayat *~tara* dalam kalangan PBJI dan PBJM. Secara keseluruhan, pelajar tidak menghadapi kesulitan dalam menyelesaikan ayat *~tara* untuk soalan daripada kategori ini, kecuali soalan Q.3.b. Hal ini menunjukkan pelajar mempunyai kefahaman yang matang mengenai *~tara* sebagai frasa andaian. Walaubagaimanapun, sebilangan besar pelajar gagal untuk melengkapkan ayat *~tara* dengan makna 'ketika' pada soalan Q.3.b. Bentuk kata kerja sebelum *~tara* yang berbeza dengan bentuk kata kerja pada soalan-soalan lainnya mungkin telah mengelirukan pelajar hingga menghasilkan ayat yang kurang tepat penggunaannya. Kata hubung *~tara* sebagai frasa andaian yang telah dipelajari terlebih dahulu juga menyebabkan takrifan pelajar salah ketika menyelesaikan ayat ini.

Soalan Q.1.b menunjukkan jurang pencapaian yang agak berbeza antara kedua kumpulan pelajar. Kecenderungan untuk berfikir di dalam bahasa ibunda dan faktor latar belakang sosio-budaya yang berbeza menyebabkan pelajar menghasilkan ayat silap

ketika melengkapkan soalan Q.1.b.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, dapat diketahui bahawa kedua kumpulan pelajar tidak menghadapi kesukaran untuk melengkapkan ayat-ayat dengan kata hubung *~tara* sebagai frasa andaian ‘jika/bila’ sesuai dengan nahunya, tetapi kefahaman mengenai *~tara* sebagai ‘ketika’ seperti ayat Q.3.b adalah pada tahap kurang matang.

5.2.4 Pemerhatian Keputusan Secara Keseluruhan bagi Soal Selidik Melengkapkan Ayat pada PBJI dan PBJM

Jadual 5.8. Peratus Keseluruhan Jawapan Soalan Penyelesaian Ayat *~tekara*, *~toki* dan *~tara*

No	Butiran Soalan	Kata hubung	Peratus ayat tepat		Peratus ayat keliru	
			PBJI	PBJM	PBJI	PBJM
Q.1.a	お酒をたくさん飲んでから、	<i>~tekara</i>	26%	47%	50%	41%
Q.4.a	ごはんを食べてから、	<i>~tekara</i>	53%	79%	34%	19%
Q.5.a	日本語を勉強してから、	<i>~tekara</i>	54%	65%	21%	19%
Q.2.a	スーパーへ行ったとき、	<i>~toki</i>	75%	87%	9%	8%
Q.3.a	本を読むとき、	<i>~toki</i>	33%	45%	36%	49%
Q.5.b	日本語を勉強するとき、	<i>~toki</i>	19%	15%	61%	69%
Q.1.b	お酒をたくさん飲んだら、	<i>~tara</i>	44%	77%	33%	5%
Q.2.b	スーパーへ行ったら、	<i>~tara</i>	65%	88%	4%	6%
Q.3.b	本を読んでいたら、	<i>~tara</i>	3%	1%	60%	82%
Q.4.b	ごはんを食べたら、	<i>~tara</i>	55%	86%	10%	2%
Q.5.c	日本語を勉強したら、	<i>~tara</i>	56%	82%	12%	2%

Merujuk kepada Jadual 5.8, peratus ayat keliru pada kategori *~tekara* untuk PBJI adalah lebih tinggi berbanding PBJM. Kecenderungan berfikir dan menterjemahkan soalan-soalan ini ke dalam bahasa Indonesia menyebabkan mereka menghasilkan ayat-ayat yang menggambarkan hubungan sebab-akibat dan tidak sesuai dengan kaedah aturan penggunaan *~tekara* yang tepat. Manakala kandungan ayat pada Q.1.a telah memberi kesan kepada peratus ayat tepat PBJI dan PBJM menjadi lebih rendah berbanding soalan lain pada kategori ini.

Kedua kumpulan pelajar lebih menghadapi kesukaran untuk melengkapkan ayat *~toki* pada soalan Q.3.a dan Q.5.b berbanding Q.2.a. Perbezaan pada bentuk kata kerja sebelum *~toki* telah memberi kesan kepada peratus ayat tepat yang tinggi pada Q.2.a

dan rendahnya peratus ayat tepat pada Q.3.a dan Q.5.b.

Merujuk kepada Jadual 5.8, penggunaan *~tara* oleh PBJI dan PBJM dapat diketahui bahawa kedua kumpulan pelajar tidak menghadapi kesukaran untuk melengkapkan ayat-ayat berbentuk frasa andaian menggunakan kata hubung *~tara* (jika/bila) sesuai dengan nahunya. Walaubagaimanapun, sebilangan besar PBJI dan PBJM gagal untuk menggunakan kata hubung *~tara* sebagai 'ketika' pada soalan Q.3.b.

Secara keseluruhan, kadar pencapaian PBJM dalam soal selidik Bahagian II, soalan penyelesaian ayat adalah lebih tinggi berbanding PBJI kecuali untuk soalan Q.3.b dan Q.5.b. Ini menunjukkan keupayaan dan kefahaman PBJM dalam menyempurnakan ayat *~tekara*, *~toki* dan *~tara* tepat nahunya lebih matang berbanding dengan PBJI. Manakala bilangan peratus ayat keliru pada PBJI juga lebih tinggi berbanding PBJM pada tiap-tiap bahagian, *~tekara*, *~toki* dan *~tara* kecuali pada soalan Q.3.a, Q.2.b, Q.5.b dan Q.3.b. Walaubagaimanapun, perbezaan pada peratus ayat keliru untuk soalan Q.3.a, Q.2.b dan Q.5.b di antara PBJI dan PBJM adalah tidak ketara, kecuali untuk soalan Q.3.b. Ini adalah kerana PBJI menghasilkan ayat yang jelas silap dari segi penggunaan perkataan ataupun nahunya.

Kedua kumpulan pelajar juga menunjukkan pencapaian peratusan yang agak berbeza bagi soalan Q.1.a dan Q.1.b. Peratus ayat keliru pada PBJI dan PBJM bagi soalan Q.1.a adalah sangat tinggi, pada kadar 50% dan 41%, dan 33% dan 5% untuk soalan Q.1.b. Selain daripada peratus ayat keliru yang tinggi, PBJI juga menghasilkan ayat yang tidak tepat peraturan nahunya menjadikan peratus ayat tepat PBJI bagi soalan ini juga rendah.

Hal ini menunjukkan kekeliruan yang agak serius dalam kalangan PBJI mengenai konsep *~tara* dan *~tekara*. Pelajar lebih mudah memahami penggunaan *~tara* berbanding *~tekara*, kerana peraturan penggunaannya yang agak khusus.

Tambahan pula faktor perbezaan sosio-budaya dalam ayat Q.1.a dan Q.1.b juga turut menyumbang kepada pencapaian yang agak rendah untuk soalan Q.1.a dan Q.1.b.